

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 JANUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13

## Projek berimpak tinggi dipercepatkan

### Projek berimpak tinggi dipercepatkan

**PUTRAJAYA** - Kerajaan akan mempercepatkan projek berimpak tinggi terutama yang berkaitan dengan keselamatan makanan, rantaian nilai makanan, tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam menyediakan perbelanjaan pembangunan, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan berharap dapat mengekalkan tahap perbelanjaan yang memberi kesan berganda kepada negara.

"Maklumat terperinci (Bajet 2023) akan diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya menerusi sidang akhbar selepas melancarkan platform data terbuka, 'OpenDOSM Next Gen' di sini pada Khamis.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron dan Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Menurutnya, kerajaan juga turut mencari ruang untuk menambah lagi projek-projek baharu di dalam sektor penting dan utama negara.

"Cuma cabarannya adalah sekiranya kita hanya mempunyai jumlah tertentu, bagaimana hendak pastikan dengan jumlah itu



RAFIZI

kita boleh menambah lagi projek baharu," ujar beliau.

Ditanya mengenai sama ada Kerajaan Perpaduan mengekalkan atau menyemak semula peruntukan dalam Bajet 2023 seperti diumumkan oleh Menteri Kewangan ketika itu, Tengku Datuk Seri Zafrul

Tengku Abdul Aziz sebelum ini, Rafizi enggan mengulas lanjut.

Bajet 2023 yang dibentangkan pada 7 Oktober tahun lalu menyaksikan sebanyak RM372.3 bilion diperuntukkan sekali gus menjadikan ia merupakan peruntukan terbesar dalam sejarah Malaysia.

Bagaimanapun, tiga hari kemudian, Parlimen dibubarkan untuk memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum ke-15 pada 19 November.

Dalam pada itu, Mohd Uzir dalam ucapannya berkata, 'OpenDOSM NextGen' yang dilancarkan adalah usaha pemodenan dan inovasi berterusan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ke arah penyampaian perkhidmatan statistik yang berkesan.

Menurutnya, 'OpenDOSM NextGen' adalah wajah baharu capaian data terbuka berkaitan statistik rasmi yang dikeluarkan jabatan itu dan agensi kerajaan yang lain dengan penambahan ciri dan fungsi baharu sedia ada.